

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1990/91

Mac/April 1991

**DTM 213/2: PENGURUSAN HAIWAN & TUMBUHAN
DI DALAM EKSPERIMEN**

Masa: [2 jam]

Bahagian A adalah Wajib dan mengandungi DUA soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

Bahagian B. DUA soalan mesti dijawab di mana tiap-tiap soalan bernilai 30 markah.

(DTM 213/2)

Bahagian A (Wajib)

1. Sebutkan 4 spesies ektoparasit haiwan makmal.
Bincangkan masalah yang ditimbulkan serta cara-cara kawalan parasit-parasit tersebut.

(20 markah)

2. Dengan menggunakan gambarajah berlabel, huraikan cara-cara mengubah anak semaian dari keratan yang baru berakar hinggalah anak semaian tersebut boleh dipindahkan ke dalam pasu.

(20 markah)

Bahagian B (Jawab DUA soalan dari yang berikut:-)

3. Anda telah ditugaskan untuk memelihara dan mengurus arnab dalam rumah haiwan. Bincangkan dengan terperinci bagaimana kamu akan menjalankan tugas-tugas tersebut untuk menghasilkan populasi arnab yang sihat, aktif, dan sentiasa membiak baka.

(30 markah)

4. (a) Bernandukan kepada keadaan cuaca di Malaysia, huraikan dengan terperinci kenapakah pengurusan air amat penting di rumah tumbuhan.

(15 markah)

(DTM 213/2)

(b) Berikan dua jenis penyakit tumbuhan yang sering dikaitkan dengan tanaman di rumah tumbuhan dan bincangkan agen pembawa penyakit, gejala, dan cara pengawalannya yang berkesan.

(15 markah)

5. (a) (i) Bezakan di antara elemen makro dan mikro yang diperlukan oleh tanaman di rumah tumbuhan. Berikan contoh elemen-elemen tersebut.

(5 markah)

(ii) Bagi 3 elemen yang anda telah sebutkan itu, bincangkan kesan kekurangan dan berlebihan elemen tersebut kepada tumbuhan.

(10 markah)

(b) Tuliskan nota-nota pendek di atas tajuk-tajuk berikut:-

- (i) Metodologi anastesia haiwan makmal
- (ii) Penyakit Newcastle dalam ayam
- (iii) Kitaran estrus

(15 markah)